

B B107 AAB
LEAD MAHATHIR
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

MOSCOW, 31 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU TELAH MENDAPAT +SESUATU YANG BERFAEDAH+ UNTUK DISAMPAIKAN KEPADA RAKAN-RAKANNYA DI ASEAN HASIL RUNDINGANNYA DENGAN SETIAUSAHA AGUNG PARTI KOMUNIS SOVIET, MIKHAIL GORBACHEV, DI SINI, HARI INI.

PERDANA MENTERI, YANG MERUPAKAN PEMIMPIN DUNIA KETIGA YANG PERTAMA MENEMUI PEMIMPIN SOVIET ITU, SEJAK BELIAU MENGAMBIL ALIH KEPIMPINAN KREMLIN KIRA-KIRA SETAHUN YANG LEPAS, BAGAIMANA PUN, TIDAK MENJELASKAN DENGAN LANJUT MENGENAI +BUTIR-BUTIR BERFAEDAH+ YANG DIMAKSUDKANNYA ITU.

BELIAU MENYIFATKAN PERTEMUAN EMPAT MATA YANG BERLANGSUNG SELAMA DUA JAM DALAM SUASANA MESRA DAN TERBUKA ITU SEBAGAI SANGAT MEMUASKAN.

+SAYA DAPATI BELIAU AMAT MUDAH UNTUK BERBINCANG. BELIAU SANGUP MENDENGAR PANDANGAN KITA DENGAN TENANG,+ JELAS DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM SATU PERSIDANGAN AKHBAR UNTUK WARTAWAN-WARTAWAN MALAYSIA SEBAIK SAHAJA SELESAI PERBINCANGAN ITU.

APABILA DITANYA SETAKAT MANA KEJUJURAN PEMIMPIN GERGASI KOMUNIS ITU, YANG DIANGGAP SEBAGAI SALAH SEORANG YANG PALING BERKUASA DI DUNIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENDAPATI ENCIK GORBACHEV SEBAGAI BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MELAKSANAKAN HASRAT DAN DASAR YANG TELAH DIUMUMKANNYA. -- LAGI
2201MST 31 07 87

B B108 AAB
LEAD MAHATHIR 2 MOSCOW

ENCIK GORBACHEV MENGGEMPARKAN NEGARA-NEGARA BARAT DAN JUGA RAKAN SEKUTU BELIAU DALAM BLOK TIMUR BARU-BARU INI APABILA BELIAU MENGUMUMKAN KONSEP +DOUBLE ZERO OPTION+NYA YANG ANTARA LAIN MENAWARKAN PENGUNDURAN PELURU-PELURU BERPANDU JARAK DEKAT DAN SEDERHANA SOVIET DARI SELURUH DUNIA JIKA AMERIKA JUGA BERBUAT DEMIKIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN MALAYSIA MENYOKONG RANCANGAN ITU KERANA IA BAIK UNTUK KEAMANAN DUNIA DAN MENGURANGKAN PERLUMBAAN SENJATA ANTARA KUASA-KUASA BESAR DUNIA.

MENGENAI PANDANGAN SOVIET TERHADAP MALAYSIA, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BELIAU MENDAPATI BAHAWA PEMIMPIN SOVIET ITU MEMAHAMI PENDIRIAN MALAYSIA DALAM BANYAK PERKARA DAN MENGHORMATI SERTA MENGIKTIRAF MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA BERKECUALI YANG MEMAINKAN PERANAN AKTIF DALAM USAHA-USAHA DAMAI DI DUNIA SERTA DALAM KEGIATAN-KEGIATAN LAIN TERMASUK MEMERANGI PENGEDARAN DAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, PERKARA-PERKARA LAIN YANG DISENTUH SECARA UMUM DALAM RUNDINGAN TERSEBUT TERMASUKLAH KEDUDUKAN POLITIK SERTA EKONOMI ANTARABANGSA, KERJASAMA DUA-HALA DAN SOAL-SOAL PERDAGANGAN.

KATANYA, ENCIK GORBACHEV BERSETUJU DENGAN BELIAU BAHAWA SEBARANG MASALAH DALAM NEGARA DI NEGARA-NEGARA ASIA PASIFIK HENDAKLAH DISELESAIKAN OLEH NEGARA TERSEBUT. -- LAGI
2206MST 31 07 87

0368

B B109 AAB
LEAD MAHATHIR 3 MOSCOW

SEMENTARA ITU, MEREKA JUGA BERSETUJU SUPAYA SEBARANG KONFLIKK ANTARA NEGARA HENDAKLAH DISELESAIKAN MENERUSI USAHA-USAHA POLITIK DAN BUKAN PEPERANGAN.

BAGAIMANAPUN, PEMIMPIN SOVIET ITU BERPENDAPAT DALAM MENYELESAIKAN MASALAH, NEGARA-NEGARA HENDAKLAH SANGGUP MEMBUAT PERUBAHAN DAN TIDAK BERSIKAP KONSERVATIF.

MALAYSIA, KATANYA, BESETUJU DENGAN PANDANGAN ITU KERANA PADA DASARNYA +KITA BERSIKAP PRAKMATIS+ MENGENAI MASALAH EKONOMI.

KEDUA-DUA MEREKA BERSETUJU SUPAYA MASALAH EKONOMI DUNIA SEKARANG DISELESAIKAN MENERUSI RUNDINGAN ANTARABANGSA MELALUI FORUM BANGSA-BANGSA BERSATU.

SEMASA DITANYA SAMA ADA BELIAU MENDAPAT SEBARANG KOMITMEN KHUSUS MENGENAI LANGKAH-LANGKAH YANG HARUS DIAMBIL UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH KAMPUCHEA DAN AFGHANISTAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TIDAK DIBINCANGKAN SECARA KHUSUS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA PERTEMUAN ITU UNTUK MENYATAKAN RASA TIDAK PUAS HATI MALAYSIA TERHADAP REGIM YANG MENGENDALIKAN ANTARTIKA SEKARANG. -- LAGI

2208MST 31 07 87

B B110 AAB
LEAD MAHATHIR 4 MOSCOW

ENCIK GORBACHEV BERSETUJU UNTUK MENKKAJI SECARA MENDALAM KENAPA MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA LAIN DUNIA KETIKA TIDAK PUAS HATI DENGAN PERJANJIAN ANTARTIKA YANG ADA SEKARANG.

SOVIET UNION IALAH SALAH SEBUAH NEGARA YANG MENANDATANGANI PERJANJIAN ITU.

MENGENAI HUBUNGAN DUA-HALA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA BELIAU DAN ENCIK GOVARCHEV BERSETUJU TENTANG PERLUNYA HUBUNGAN YANG ADA SEKARANG DITINGKATKAN LAGI.

MEREKA JUGA BERSETUJU UNTUK BERUSAHA MENINGKATKAN JUMLAH PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA YANG KINI BERJUMLAH \$600 JUTA SETAHUN TETAPI LEBIH MENGUNTINGKAN MALAYSIA.

MEREKA SEPENDAPAT BAHAWA USAHA MENGURANGKAN JURANG ITU DIBUAT BERDASARKAN PENGLUASAN JUMLAH PERDAGANGAN DAN BUKAN MENGURANGKAN IMPORT SOVIET UNION DARI MALAYSIA. -- BERNAMA

2210MST 31 07 87